

**Langkah-Langkah Baharu Ibu Pejabat MIC Diperkenal - SU Agung
Bernama
Jan 12, 2015**

KUALA LUMPUR, 12 Jan (Bernama) -- Perubahan serta-merta sedang dilaksanakan di ibu pejabat MIC di sini yang antara lain, akan menyaksikan hanya para pemimpin kanan parti sahaja dibenarkan untuk mengadakan sidang media rasmi di sana.

Menurut Setiausaha Agung MIC, Datuk G. Kumaar Aamaan, mereka yang dibenarkan untuk berbuat demikian ialah presiden MIC, timbalan presiden dan naib presiden, setiausaha agung dan bendahari agung.

Dalam satu kenyataan, Ahad, setiausaha agung MIC itu berkata semua yang lain perlu mendapat kebenaran dahulu daripada pejabatnya untuk mengadakan sidang media di ibu pejabat parti.

"Ibu pejabat MIC tidak boleh digunakan oleh mana-mana orang atau individu untuk sidang media atau pertemuan dengan wartawan bertujuan untuk mengkritik atau membuat apa-apa kenyataan bersifat celaan atau apa jua bentuk dakwaan terhadap MIC atau mana-mana pemimpinnya," kata Kumaar Aamaan.

Beliau berkata penggunaan premis itu bagi mesyuarat, acara, perhimpunan atau tujuan lain memerlukan kelulusan terlebih dahulu daripada pejabat setiausaha agung dan permohonan bertulis mesti dibuat sekurang-kurangnya tiga hari lebih awal.

Katanya, situasi kecemasan dikecualikan tetapi mendapat kelulusan setiausaha agung terlebih dahulu.

Kumaar Aamaan berkata langkah-langkah keselamatan di ibu pejabat MIC akan ditingkatkan dengan sekatan tertentu dikenakan ke atas akses ke lokasi itu.

--BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source :<http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1099854>